



## **IKLAN JAWATAN KOSONG**

Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan Rakyat Negeri Kedah yang berkelayakan bagi pengisian kekosongan jawatan-jawatan berikut :

**1. JAWATAN : JURUTEKNIK UKUR BAHAN**

**GRED : NE 5**

**KUMPULAN : BUKAN EKSEKUTIF**

**TARAF : KONTRAK**

### **SYARAT KELAYAKAN / LANTIKAN**

- i) Calon hendaklah memiliki sekurang-kurangnya Sijil dalam bidang Ukur Bahan dari Institusi Pengajian Tinggi Tempatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- ii) Mempunyai komunikasi yang baik dan boleh bekerja di bawah pengawasan yang minimum serta di bawah tekanan.
- iii) Sentiasa komited dalam menjalankan tugas yang diberi dan boleh memberi pandangan serta idea-idea untuk Jabatan Ukur Bahan.
- iv) Keutamaan adalah kepada calon yang mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya dua (2) tahun.
- v) Tiada rekod jenayah dan penyalahgunaan dadah.

### **BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

- i) Mengemaskini dan menyelenggara dokumen kontrak asal, dokumen tawaran kontrak, bayaran kemajuan interim,sijil-sijil perakuan kontrak, fail-fail projek dan lain-lain dokumentasi pentadbiran kontrak.
- ii) Menyemak polisi-polisi insuran, gerenti-gerenti bank, kadar harga dan pengumpulan kos bahan-bahan binaan.

- iii) Membantu Penolong Juruukur Bahan dalam urusan penjualan dokumen - dokumen perolehan dan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**2. JAWATAN : JURUTEKNIK**

**GRED : NE 5**

**KUMPULAN : BUKAN EKSEKUTIF**

**TARAF : KONTRAK**

#### **SYARAT KELAYAKAN / LANTIKAN**

- i) Calon hendaklah memiliki sekurang – kurangnya Sijil dalam bidang Kejuruteraan Awam / Mekanikal / Elektrik / Instrumentasi dari Institusi Pengajian Tinggi Tempatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- ii) Mempunyai komunikasi yang baik dan boleh bekerja di bawah pengawasan yang minimum serta di bawah tekanan.
- iii) Sentiasa komited dalam menjalankan tugas yang diberi dan boleh memberi pandangan dan idea-idea untuk mana-mana Jabatan / Wilayah yang ditempatkan.
- iv) Keutamaan adalah kepada calon yang mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya dua (2) tahun.
- v) Tiada rekod jenayah dan penyalahgunaan dadah.

#### **BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

- i) Menyelaras kerja-kerja berkaitan agihan bekalan air di wilayah-wilayah.
- ii) Menyemak dan memproses permohonan bekalan baru.
- iii) Menyelia kerja-kerja perlaksanaan projek-projek berkaitan bekalan air.
- iv) Menyelia kerja-kerja berkaitan ekektrikal , mekanikal dan instrumentasi.

**3. JAWATAN : PEMANDU**  
**GRED : NE 1**  
**KUMPULAN : BUKAN EKSEKUTIF**  
**TARAF : KONTRAK**

**SYARAT KELAYAKAN / LANTIKAN :**

- i) Calon hendaklah mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (sekurang-kurangnya Lulus dalam matapelajaran Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu).
- ii) Mempunyai lesen memandu Kelas D dan E serta memiliki lesen GDL yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
- iii) Mempunyai rekod pemanduan yang baik.
- iv) Tiada rekod jenayah dan penyalahgunaan dadah.
- v) Hanya calon lelaki sahaja layak memohon dan boleh bekerja dalam syif.
- vi) Mempunyai penglihatan yang baik dan pengecaman warna dan pendengaran yang sempurna serta sihat tubuh badan.
- vii) Calon hendaklah berumur dalam lingkungan 21 tahun hingga 40 tahun pada tarikh tutup iklan.

**BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

- i) Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta menjaga kenderaan di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan.



**RADZUAN BIN OSMAN, SDK, AMK, BCK.**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA)

**4. JAWATAN : KREW**  
**GRED : NE 1**  
**KUMPULAN : BUKAN EKSEKUTIF**  
**TARAF : KONTRAK**

**SYARAT KELAYAKAN / LANTIKAN :**

- i) Calon hendaklah mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (sekurang-kurangnya Lulus dalam matapelajaran Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu).
- ii) Mempunyai lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
- iii) Tiada rekod jenayah dan penyalahgunaan dadah.
- iv) Hanya calon lelaki dan boleh bekerja dalam syif sahaja layak memohon .
- v) Mempunyai penglihatan yang baik, pengecaman warna dan pendengaran yang sempurna serta sihat tubuh badan.
- vi) Calon hendaklah berumur dalam lingkungan 21 tahun hingga 40 tahun pada tarikh tutup iklan.
- vii) Calon yang berjaya akan ditempatkan di Loji Rawatan Air / Rumah Pam / Pejabat SADA di sekitar negeri Kedah.

**BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

- i) Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas-tugas di bahagian pengeluaran (loji / rumah pam) , pengguna, kenderaan dan stor.

**CARA MEMOHON**

- Calon-calon yang berkelayakan dipelawa mengemukakan "Resume" dan dokumen Salinan Kad Pengenalan, Salinan Sijil-Sijil Akademik (Transkrip Ijazah / Transkrip Diploma / Transkrip Sijil / Transkrip SPM) , Sijil Berhenti Sekolah dan Salinan Lesen Memandu (calon jawatan Pemandu dan Krew sahaja) ke pautan <http://recruitment.sada.com.my> atau kod QR untuk imbasan.



- Bagi kelayakan Ijazah / Diploma / Sijil perlu diiktiraf kelayakan dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Semakan boleh dibuat melalui <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayaan.cfm> (perlu disertakan sebagai lampiran).

#### TARIKH TUTUP

- Sebelum atau pada : **14 OGOS 2024 (RABU) jam 5.00 petang**

#### PEMAKLUMAN KEPADA CALON

- Permohonan yang berjaya dihantar akan mendapat pengesahan penghantaran permohonan melalui email.
- Calon yang melepassi tapisan akademik akan dipanggil menghadiri Ujian Fizikal atau apa-apa peperiksaan yang ditetapkan oleh Pengurusan SADA sebelum layak untuk sesi temu duga.
- Tawaran pelantikan adalah kontrak satu (1) tahun sebelum dipertimbangkan ke jawatan tetap tertakluk kepada prestasi dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pengurusan SADA.
- Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap tidak berjaya.

RADZUAN BIN OSMAN, SOK, AMK, BCK.  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Sarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA)